



**TEKS UCAPAN**

**SEMPENA MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2015  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**YBHG. DATUK DR. ISMAIL BIN HAJI BAKAR  
KETUA SETIASUAHA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**PADA  
6 JANUARI 2015**

**BERTEMPAT DI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 2  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
NO.26 JALAN TUN HUSSEIN, PRESINT 4  
W.P. PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Y.Bhg Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Pengangkutan

Y.Brs Tuan Chua Kok Ching

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Pengangkutan

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi,  
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/Jabatan/Agensi

Datuk-Datuk / Datin-Datin / Tuan-Tuan dan Puan-Puan, seluruh warga  
Kementerian Pengangkutan yang dikasihi dan dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Tahun Baharu.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, telah mengizinkan kita semua untuk bersama-sama hadir dan berkumpul di majlis ini. Walaupun hari ini telah masuk hari ke-6 dalam tahun 2015, saya rasa masih belum terlewat untuk saya mengucapkan 'Selamat Tahun Baharu 2015' kepada semua warga Kementerian Pengangkutan (MOT) termasuklah jabatan dan agensi di bawahnya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas

montaj yang disediakan bagi memperkenalkan saya sebagai 'orang baru' di MOT.

2. Dikeempatan ini juga, saya turut ingin menzahirkan rasa simpati kepada semua yang terlibat dengan banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia baru-baru ini. Mungkin ada di kalangan mereka tersebut adalah merupakan kaum keluarga, sanak saudara dan sahabat handai kita semua yang berada di sini pada hari ini. Saya mendoakan agar mereka semua diberi kekuatan oleh Allah S.W.T untuk menghadapinya. Saya juga berharap agar kita semua di sini boleh turut sama menghulurkan bantuan kepada mereka melalui apa cara sekali pun demi mengukuhkan lagi ukhwah, semangat kekitaan dan kebersamaan sebagai 1warga Malaysia.

### **SUKA DUKA 2014 SEBAGAI PEMBAKAR SEMANGAT MENCAPAI KEJAYAAN 2015**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Ini adalah pertemuan pertama saya dengan tuan-tuan dan puan-puan semua sejak saya diberi amanah dan dipertanggungjawabkan untuk menerajui Kementerian Pengangkutan pada 18 November 2014. Ekoran daripada kekangan masa serta komitmen-komitmen tertentu, sesi perjumpaan saya dengan seluruh warga MOT dan Jabatan/Agensi ini tidak dapat diadakan pada tahun 2014 tetapi saya bersyukur kerana dapat juga berjumpa tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari ini. Sekurang-kurangnya, saya dapat berkongsi dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan hasrat dan inspirasi yang ingin dicapai oleh

MOT pada tahun 2015 di mana lembarnya telah pun dibuka 6 hari yang lalu.

4. Dalam menongkah lembaran 2015 ini, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan semua untuk merenung sejenak kepada apa yang telah MOT lalui pada tahun 2014. Sesetengah pihak beranggapan bahawa tahun 2014 adalah merupakan tahun suram buat MOT susulan daripada kejadian peristiwa menyayat hati yang melibatkan pesawat MH370, MH17 dan juga pesawat Air Asia QZ8501. Namun begitu, kita semua selaku warga MOT tidak seharusnya terus bersedih dan berduka malah perlu pandang ke hadapan agar masa mendatang akan menjadi lebih baik. Setiap apa yang berlaku itu ada hikmahnya yang tersendiri dan kita perlu jadikannya sebagai medan cetusan refleksi bagi memperbaiki dan menambah baik kelompangan dan kelemahan yang ada.

5. Di sebalik kesuraman tersebut, kita juga turut melakarkan kejayaan di peringkat antarabangsa mahupun domestik. MOT melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) telah berjaya mewujudkan program ASEAN New Car Assessment Program for Southeast Asia (ASEAN NCAP). Penubuhan ASEAN NCAP ini telah menjadikan Malaysia sebagai pelopor kepada sistem penarafan standard keselamatan kenderaan di rantau ASEAN dan makmal ujian kenderaan MIROS atau MIROS PC3 yang terletak di Ayer Molek, Melaka telah dipromosikan untuk digunakan bagi pelaksanaan program ASEAN NCAP ini. Kita juga turut menyerlahkan diri di kalangan komuniti maritim antarabangsa dengan melaksanakan program pembangunan modal insan dalam sektor maritim melalui *Integrated Technical Cooperation Program* (ITCP) dengan kerjasama *International Maritime*

*Organization* (IMO). Saya difahamkan bahawa 4 program latihan telah dilaksanakan pada tahun 2014 dengan kerjasama Maritime Institute of Malaysia (MIMA) dan Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPPL).

6. Pada 2014 juga, MOT turut telah diberi beberapa pengiktirafan dari aspek pentadbiran dan pengurusan. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menganugerahkan MOT dan Jabatan/Agensi di bawahnya sijil penghargaan di atas pencapaian '*significantly exceed target*' bagi penggunaan HRMIS dan sijil penghargaan di atas kejayaan melaksanakan Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Ini satu penghargaan yang sungguh bernilai kepada kita semua di atas komitmen dan sokongan yang telah kita berikan terhadap pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan. Di samping itu, pengurusan kewangan kita juga berada di tahap yang membanggakan di mana kita telah diberikan penarafan 4 bintang (91.3%) oleh Jabatan Audit Negara bagi pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti). Kita juga berjaya mencapai peratusan melebihi 99% untuk pembayaran bil dalam tempoh 14 hari serta telah berjaya melakukan penjimatan bagi tujuan pembelian aset Kementerian dan Jabatan.

7. Secara keseluruhannya, MOT telah berjaya mencapai peratus perbelanjaan sebanyak 99.33% dan 95.31% bagi tahun 2014 untuk Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) masing-masing. Ini merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan dan momentum ini perlu diteruskan untuk tahun ini agar prestasi pengurusan kewangan kita lebih mantap. Saya juga ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian bahawa dalam keadaan ekonomi yang meruncing serta kejatuhan nilai matawang

Ringgit Malaysia (RM) yang dialami kini, kita perlu memainkan peranan dengan berbelanja secara berhemah dan mengelakkan sebarang pembaziran agar kesejahteraan ekonomi negara dapat dipelihara. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan semua, kelmarin, saya telah mengedarkan surat arahan penjimatan perbelanjaan mengurus kepada semua Setiausaha/Ketua Bahagian dan Ketua Pengarah/Pengarah Jabatan di bawah MOT dengan menggariskan beberapa langkah penjimatan yang perlu dipatuhi, antaranya adalah:

- (i) Memastikan tanggungan tahun lalu yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baharu ditampung melalui penjimatan peruntukan tahun semasa dengan penyusunan semula keutamaan perbelanjaan;
- (ii) Memastikan semua peruntukan yang diluluskan mempunyai jadual pelan tindakan supaya dapat dibelanjakan mengikut perancangan sebelum akhir tahun. Perbelanjaan secara *bunching* ada penghujung tahun hendaklah dielakkan;
- (iii) Mengehendkan penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ retreat. Sekiranya perlu, ia mestilah diadakan di Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dan juga kemudahan di institusi latihan milik Kerajaan;
- (iv) Mempertingkatkan usaha penjimatan penggunaan utiliti seperti air, elektrik, alat perhubungan dan bahan bakar serta bahan-bahan lain melalui penguatkuasaan peraturan dalaman masing-masing.

8. Langkah-langkah yang saya nyatakan ini adalah sebahagian daripadanya sahaja dan saya berharap agar ia dapat dihayati dan dilaksanakan sebaik mungkin oleh kita semua.

## **TRANSFORMASI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Tahun 2014 telah melabuhkan tirainya, segala suka duka serta kejayaan mahupun kegagalan yang dialami telah berada di dalam lipatan sejarah. Tahun 2015 seharusnya kita buka dengan iltizam dan komitmen baharu dengan menjadikan lipatan sejarah tersebut sebagai pengajaran untuk kita bangkit dan terus maju ke hadapan. Dalam hubungan ini, saya ingin menekankan kepentingan supaya seluruh warga MOT untuk melakukan transformasi ke arah menyokong dan menjayakan Agenda Transformasi Negara yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Pelbagai kementerian telah merancang dan merangka pelan transformasi masing-masing bagi menyokong Agenda Transformasi Nasional tersebut dan saya difahamkan bahawa MOT juga telah mengadakan bengkel bersama jabatan dan agensi dibawahnya bagi menghasilkan pelan transformasi MOT.

10. Pada hemat saya, transformasi adalah bukan lagi suatu pilihan tetapi satu kemestian yang dituntut dalam era masa kini. Dua (2) faktor utama yang mencetuskan keperluan kepada transformasi, pertamanya adalah ekoran daripada timbulnya sesuatu masalah yang mana memerlukan sesuatu organisasi/individu itu untuk melaksanakan transformasi bagi menangani permasalahan tersebut. Keduanya, transformasi juga dilaksanakan apabila kita ingin menjadikan sesuatu

yang sememangnya berkeadaan baik kepada sesuatu yang lebih baik atau dalam erti kata lainnya adalah nilai tambah (*value added*).

11. Dalam konteks MOT, saya melihat kedua-dua faktor tersebut adalah relevan di mana transformasi perlu dilaksanakan. Saya berhasrat untuk menggerakkan transformasi MOT melalui penekanan kepada tiga (3) aspek utama yang saya kenali sebagai 3P iaitu singkatan kepada *People*, *Process* dan *Place*. Apa yang saya maksudkan dengan 3P ini adalah:

- (i) *People* merujuk kepada seluruh warga Kementerian Pengangkutan di mana setiap di antara kita perlu berubah ke arah yang lebih baik. Perubahan ini termasuklah daripada segi pemikiran, sahsiah, ilmu pengetahuan, kompetensi dan *sense of urgency* agar kita sentiasa responsif, relevan, cekap, cepat dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat. Ini adalah perkara paling asas kepada kita semua yang merupakan tonggak kepada MOT dan kita tidak boleh kekal selesa pada tahap pencapaian sedia ada. *Never rest on your laurels. No matter how much you have done, or how successful you have been, there is always more to do, more to learn, more to achieve.*
- (ii) *Process* pula adalah merupakan cara kerja kita dalam melaksanakan fungsi-fungsi utama Kementerian Pengangkutan. Mendepani kehendak pelanggan, *stakeholders* dan rakyat yang semakin meningkat dan mencabar pada masa kini, cara kerja kita tidak boleh berada pada takuk lama malah ia perlu ditambah baik dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan



perkhidmatan yang kita sediakan. Proses kerja yang lapuk dan tidak relevan juga perlu disisihkan supaya outcome yang lebih pantas dan cepat dapat dihasilkan. *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan juga bukan sekadar perlu dicapai, tetapi kita harus memastikan pencapaiannya melangkaui sasaran kerana kita perlu ingat bahawa KPI adalah merupakan *minimum requirement* dan bukannya *maximum outcome*.

- (iii) *Place* merujuk kepada organisasi sama ada MOT sendiri ataupun jabatan dan agensi di bawah MOT. Struktur dan status organisasi masing-masing perlu dikaji dan dilihat semula supaya ia efisien dalam melaksanakan *core-business* yang ditetapkan serta relevan dengan keadaan semasa. Ia juga seharusnya mengoptimumkan sumber yang ada sebaik mungkin serta memupuk "breaking the silos" bagi meningkatkan kerjasama antara bahagian/jabatan/agensi dalam merealisasikan visi dan misi MOT.

12. Saya berharap agar semua ketua jabatan/agensi dapat menerajui usaha di peringkat jabatan/agensi masing-masing ke arah menjayakan transformasi MOT tersebut. Inisiatif dan program yang bersesuaian perlu dirancang secara bersama di antara pihak jabatan dan pihak pekerja supaya elemen *co-creation* dapat diterapkan sekali gus memastikan kebolehlaksanaan apa yang dirancang. Pendekatan *co-creation* sebegini amat penting supaya warga kerja di peringkat akar umbi akan turut dapat menghayati objektif transformasi yang dirancang dan ianya bukanlah sekadar gah di atas kertas semata-mata.

## **MEMBUDAYAKAN AMALAN TURUN PADANG**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

13. Y.Bhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara sering kali dalam ucapan beliau menekankan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” dalam penyampaian perkhidmatan. Antara prinsip yang menjadi asas kepada konsep ini adalah pelaksanaan program ‘turun padang’ yang bermakna sentiasa pasang telinga dan buka mata seluas-luasnya untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pelanggan. Kita perlu sedar bahawa senario dan landskap perkhidmatan awam dulu dan kini adalah berbeza sama sekali di mana kini kita berhadapan dengan rakyat yang lebih berpengetahuan, lebih vokal dan berani untuk menyuarakan pandangan mereka secara terbuka. Selain itu, kehadiran media sosial juga membolehkan penyaluran dan penerimaan maklumat dengan lebih pantas tanpa dibatasi dengan keperluan mensahihkan maklumat-maklumat terbabit.

14. Berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi, kita semua khususnya ketua-ketua jabatan/agensi seharusnya membudayakan program ‘turun padang’ bagi mengelakkan berlakunya cetusan isu oleh mana-mana pihak di kemudian hari. Sekiranya ia telah dijadikan isu, kesukaran akan dihadapi untuk mendapat *buy-in* sekali gus merencatkan keberkesanan pelaksanaan sesuatu dasar dan inisiatif. Dalam konteks ini, saya ingin tekankan bahawa era ‘*government knows all*’ telah berakhir dan apa yang lebih penting kini untuk menjamin kejayaan sesuatu kepimpinan adalah kemahiran mempengaruhi (*influencing*) berbanding dengan ‘*authority*’. Justeru, kemahiran mempengaruhi ini penting untuk diaplikasikan kepada masyarakat umum di mana ia amat berguna kepada kita semua terutamanya

semasa ‘turun padang’ bagi membolehkan kita memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

15. Pembudayaan program ‘turun padang’ ini juga bukan sahaja terhad kepada memahami dan menyelami apa yang berlaku di peringkat pelanggan kita, malahan ia juga perlu merangkumi warga kerja jabatan/agensi di peringkat negeri dan cawangan. Ini bertujuan untuk membentuk keharmonian hubungan dan merapatkan jurang di antara jabatan/agensi dan pekerja khususnya di peringkat lapangan dan akar umbi. Melalui program ‘turun padang’, Ketua-ketua Jabatan/Agensi dapat berinteraksi dengan anak-anak buah masing-masing serta merasai sendiri pengalaman dan permasalahan yang dilalui oleh anak buah mereka. Secara tidak langsung, ia memberi gambaran bahawa keluhan dan kebajikan mereka sentiasa didengari oleh pihak Jabatan/Agensi.

16. Saya sendiri juga berhasrat untuk mempergiatkan proses musyawarah (*engagement*) dengan mengadakan program ‘turun padang’ pada tahun 2015 ke jabatan/agensi khususnya yang berada di peringkat negeri. Selaku ‘orang baru’ dalam MOT yang mana saya anggap sebagai sebuah ‘keluarga besar’ di mana keanggotaannya hampir mencecah 13 ribu orang, saya berhasrat untuk seboleh-bolehnya dapat bersua muka dan berjumpa dengan kesemua atau sebahagian besar daripada ahli ‘keluarga besar’ ini. Ini adalah bagi membolehkan saya berinteraksi dan mendapatkan input-input yang boleh saya jadikan sebagai panduan dalam menambahbaik pengurusan MOT yang saya terajui pada masa ini.

## **PENINGKATAN PENGUASAAN ILMU, KEMAHIRAN DAN KOMPETENSI KE ARAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Para hadirin yang saya hormati sekalian

17. Tidak boleh dinafikan bahawa perubahan lanskap politik dan keadaan ekonomi, peningkatan sosio-pendidikan dan perubahan demografik adalah merupakan antara cabaran masa kini yang perlu dihadapi oleh kita semua selaku warga MOT yang juga merupakan sebahagian daripada penjawat awam. Dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran ini, kita perlu bersedia dengan ilmu, kemahiran dan kompetensi yang sewajarnya. Tanpa semua ini, kita tidak dapat melaksanakan tanggungjawab kita untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam khususnya dalam ruang lingkup pengangkutan yang relevan mengikut masa dan bersifat mapan.

18. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar kita semua meningkatkan lagi penguasaan ilmu pengetahuan serta melengkapkan diri masing-masing dengan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan agar kita dapat berperanan sebagai *change agent* atau pemacu perubahan yang utama. Penguasaan ketiga-tiga aspek ini akan menjadikan kita lebih bijak dan matang dalam menganalisis sesuatu masalah sedia ada dan pada masa sama kita juga dapat mengenal pasti dan menjangka pelbagai masalah yang bakal timbul lalu membina pendekatan ke arah penyelesaian masalah tersebut. Budaya ilmu ini juga mempunyai kekuatan untuk membolehkan kita bergerak dalam pengarahannya yang jelas dan kental ke arah mencapai matlamat yang lebih sempurna.

19. Semua Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah MOT adalah disarankan agar dapat memupuk budaya ilmu ini di organisasi masing-masing dengan berusaha ke arah membina tradisi kecemerlangan berterusan di kalangan warga masing-masing serta menyemai dan merangsang perkembangan intelek di kalangan warganya dalam usaha mewujudkan organisasi yang berilmu. Pembudayaan ilmu di dalam organisasi ini bukan sahaja dapat memberi kita kekuatan dalam menghasilkan keputusan yang bijaksana, malahan ia dapat menjadikan kita memahami prinsip keutamaan dalam menangani persoalan masyarakat, mempertingkatkan kepekaan terhadap isu-isu penting dan menyumbang kepada lahirnya pemikiran yang berperspektif luas dan strategik.

20. Ruang dan peluang juga perlu diberikan dan diwujudkan kepada semua warga 'keluarga besar' MOT khususnya kepada pegawai-pegawai muda bagi membolehkan mereka menyuarakan pendapat dan idea baharu yang bernas. Percambahan idea-idea baharu ini akan menjadikan 'warga besar' MOT boleh berfikir melangkaui kebiasaan (*think out of the box*) serta kreatif dan inovatif dalam mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau kelemahan yang ada. Ini akan menjadikan kita lebih peka peka dan responsif atau dalam erti kata lain, kita akan bertindak lebih proaktif untuk memudahkan dan bukan menyusahkan (*to facilitate not frustrate or irritate*).

## **PEMANTAPAN SAHSIAH DAN INTEGRITI 'WARGA BESAR' KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

21. Selain daripada penguasaan ilmu pengetahuan tersebut, pemantapan sahsiah dan integriti di kalangan seluruh warga MOT

sehingga sampai ke satu tahap yang lebih membanggakan juga amat penting untuk dititik beratkan. Dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas seharian kita, kepentingan diri sendiri perlu diketepikan demi menjulang kepentingan negara dengan penuh amanah dan berintegriti. Integriti yang saya maksudkan ini bukan sekadar tertumpu kepada menghindari daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan wang ringgit, bahkan ia seharusnya diterjemahkan dalam skop yang lebih besar. Ini merangkumi integriti dalam pengurusan masa, integriti dalam pentadbiran, integriti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, integriti dalam komunikasi dan sebagainya.

22. Sesungguhnya, saya percaya bahawa sekiranya seluruh warga MOT memiliki sahsiah dan integriti yang utuh, imej dan kualiti MOT akan dapat ditingkatkan sekali gus mendapatkan keyakinan dan kebolehpercayaan *stakeholders* dan orang awam ke atas perkhidmatan yang kita diberikan. Tanpa integriti, semua yang kita lakukan tidak lagi bermakna dan akan dipandang negatif oleh masyarakat. Justeru, Setiausaha Bahagian dan Ketua Jabatan/Agensi hendaklah menjadikan pembudayaan integriti di kalangan warga masing-masing sebagai agenda utama dalam usaha memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan masing-masing.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap agar semua 'warga besar' MOT dapat bersama-sama menanam azam dan komitmen sempena tahun baharu ini untuk menjayakan dan

melaksanakan agenda transformasi yang dihasratkan. Walaupun pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal kita hadapi, kita perlu kekal utuh bersatu sebagai 1MOT dan bangga untuk berkhidmat untuk negara. Semoga apa yang kita lakukan dengan keikhlasan akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. dan membuahkan hasil yang dapat memberi manfaat kepada kepada semua.

24. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Ketua Setiasuaha  
Kementerian Pengangkutan Malaysia  
6 Januari 2015